

Headline **Remaja bergantung kepada telefon bimbit kerana fungsinya...**
 Date **22. Sep 2008** Language **MALAY**
 Media Title **Berita Harian** Page No **17**
 Section **Pendidikan** Article Size **340** cm2
 Circulation **217920** Frequency **Daily**
 Readership **2083000** Color **Full Color**
 AdValue **6029.31**



ROSHILA (kanan) sentiasa memastikan anaknya, Raja Nurul Syifaq menggunakan telefon bimbit untuk perkara bermanfaat.

Remaja bergantung kepada telefon bimbit kerana fungsinya pelbagai

MAJORITI remaja yang ditemui mengakui mereka bergantung kepada telefon bimbit kerana kegunaannya yang pelbagai dan amat diperlukan dalam kegiatan seharian.

Pelajar semester akhir jurusan Komunikasi Massa Kolej Taylor, Audrey Wong Zhixin, 22, berkata dia tidak dapat bayangkan kehidupannya tanpa telefon bimbit kerana banyak perkara yang dapat dilakukannya menggunakan alat komunikasi itu.

"Saya menggunakan telefon untuk hiburan, alat penggera, permainan video dan akan merasa bingung tanpanya.

"Remaja memang suka alatan berteknologi tinggi dan sanggup membelanjakan banyak wang untuk memiliki telefon bimbit yang terkini dan canggih," katanya kepada *Berita Harian*, baru-baru ini.

Bagi pelajar semester tujuh Jurusan Pendidikan Universiti Putra Malaysia, Muhammad Zarif Hassan @ Zulkifli, berpendapat

secara keterlaluan bukan saja membazir masa, malah boleh membawa kesan terhadap kesihatan dan sosial, seperti risiko mendapat kanser dan sebagainya," katanya.

Bagi pelajar, Raja Nurul Lisa Raja Ahmad Zuhdi, 9, kanak-kanak tidak digalakkan memiliki telefon bimbit, melainkan ibu bapa sendiri yang membenarkannya untuk tujuan komunikasi.

"Walaupun tidak memiliki telefon bimbit, saya tahu menggunakannya termasuk membuat panggilan dan menghantar khidmat pesanan ringkas.

"Seperti kakak, dia memerlukan RM40 sebulan untuk tambah nilai dan jumlah itu ditanggung ibu bapa," katanya.

Sementara itu, Roshila Omar, 40, yang ditemui di Shah Alam, berkata penggunaan alat komunikasi itu memudahkan beliau menghubungi anak yang masih bersekolah, namun ia digunakan untuk tujuan penting saja.

"Seeloknya anak berumur 18 tahun ke atas saja wajar menggunakan telefon bimbit, bagaimanapun kanak-kanak boleh menggunakannya dengan pemantauan ibu bapa," katanya.



“Walaupun tidak memiliki telefon bimbit, saya tahu menggunakannya termasuk membuat panggilan dan menghantar khidmat pesanan ringkas”

Raja Nurul Lisa Pelajar



Muhammad Zarif Hassan

pelajar harus bijak menggunakan telefon bimbit dan elakkan terlalu bergantung kepada alat berkenaan.

Katanya, pengguna sendiri yang menentukan keperluan mengenai kebaikan atau keburukannya.

Dian Pereira, 18, berkata dia menggunakan telefon bimbit hanya untuk menghantar SMS dan membuat panggilan keemasan saja kerana tidak mahu membazir.

"Menggunakan telefon bimbit